

23/04/1997

Samudera dapat projek tambak laut

Hassan Omar

ALOR STAR, Selasa - Dua daripada sembilan pakej cadangan projek menambak laut sepanjang 100 kilometer pantai Kedah akan diberikan kepada syarikat Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd (Samudera), kata Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid.

Beliau berkata, kertas cadangan Samudera akan dibentangkan dalam mesyuarat mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), esok.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan kawasan pakej berkenaan.

"Kita sudah bersetuju pada dasarnya untuk meluluskan dua pakej cadangan itu dan ia akan diluluskan dalam mesyuarat Exco, esok," katanya.

Samudera mengemukakan kertas cadangan melaksanakan keseluruhan projek terbabit dan sudah memberikan taklimat kepada Perdana Menteri ketika lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini, Sabtu lalu.

Sanusi berkata, kerajaan negeri mengambil masa untuk meluluskan kertas cadangan projek terbabit kerana ingin mendapatkan pandangan Dr Mahathir.

"Perdana Menteri gembira dengan projek ini," katanya selepas merasmikan kedai buku Popular Book Company (M) Sdn Bhd di City Plaza di sini, hari ini.

Turut hadir ialah beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan Pengarah Urusan syarikat berkenaan, C N Chou.

Samudera mencadangkan projek menambak laut membabitkan kawasan seluas 16,300 hektar mengandungi sembilan pulau utama dengan dua daripada pulau itu, masing-masing seluas 2,800 hektar dan 3,500 hektar dicadangkan dilaksanakan mengikut Fasa 1.

Pulau seluas 2,800 hektar itu dicadang dimajukan sebagai kompleks perindustrian bersepadu, termasuk industri angkasa lepas, lapangan terbang antarabangsa, pelabuhan kontena, terminal kapal pelancongan dan stesen janakuasa.

Pulau kedua pula dicadangkan sebagai kawasan industri petrokimia dan yang berkaitan dengan pelabuhan manakala baki tujuh pulau yang lain dicadangkan dimajukan sebagai kawasan pertanian, perikanan dan kegiatan perdagangan serta rekreasi.

"Bagaimanapun, Samudera perlu mendapatkan kelulusan Kerajaan Pusat bagi membina lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan dalam di satu daripada dua pulau utama itu," katanya.

Sanusi juga berkata, Exco juga akan meluluskan cadangan sebuah lagi syarikat yang berminat dalam projek berkenaan, SKS Venture Sdn Bhd untuk memajukan Pulau Bunting.

Mengenai kajian kesan alam sekitar projek itu yang dilaksanakan Institut Kajian Hidraulik Kebangsaan (Nahrim), Sanusi berkata, selain berpendapat projek itu sememangnya sesuai, Nahrim juga mencadangkan ia dilaksanakan di kawasan 500 meter dari pantai.

"Selain itu, projek ini juga harus dilihat sebagai projek alam sekitar yang boleh menyelesaikan masalah hakisan di sepanjang pantai dan memelihara kayu bakau," katanya.

(END)